

04/11/1997

Malaysia dapat sokongan padu

MALAYSIA menerima sokongan padu ahli G-15 mengenai perjuangannya menentang kegiatan spekulasi dan manipulasi mata wang, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Malah, India yang belum diserang kegiatan itu turut meminta pakar-pakar kewangan dunia menyediakan langkah terbaik bagaimanapun masalah itu perlu ditangani.

Menurutnya, Naib Presiden India, Shri Krisnan Kant mencadangkan supaya bank pusat mencari penyelesaian kepada masalah krisis kewangan yang teruk melanda negara Asia Tenggara, sebelum menular ke seluruh dunia.

"Ini adalah satu cadangan yang baik. Kita sekarang memerlukan idea dan cadangan seperti daripada G-15 untuk dikemukakan kepada badan dunia seperti Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) bagi menggaris peraturan yang difikir wajar untuk menangani masalah spekulasi," kata Rafidah.

Beliau juga berkata, semua anggota G-15 sebulat bersuara bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri supaya masalah itu ditangani dengan bijak di gelanggang antarabangsa.

"Negara individu atau kumpulan kerja seperti G-15 tidak mempunyai kuasa untuk menggariskan apa-apa peraturan bagi mengawasi kegiatan spekulasi mata wang, tetapi kita boleh mengemukakan idea dan cadangan untuk dibentangkan kepada badan dunia.

"Apa yang penting ialah pendirian tegas daripada kumpulan seperti G-15 ini kerana kita mempunyai pengaruh yang luas untuk memastikan negara bukan ahli turut memberi tumpuan kepada masalah ini," katanya.

Menjawab soalan, Rafidah berkata undang-undang dan pasaran khusus yang dicadangkan oleh Dr Mahathir bukan berniat untuk mengawal secara total kegiatan urus niaga mata wang tetapi pengawasan teliti bagi memastikan ia tidak dimanipulasi oleh golongan tertentu.

Mengenai kenyataan peniaga mata wang George Soros bahawa dia bersetuju dengan pandangan Dr Mahathir bahawa kegiatan spekulator mata wang perlu dikawal, Rafidah berkata: "Mungkin dia sedar ada kebenaran dalam apa yang diperkatakan oleh Perdana Menteri. Urus niaga tanpa sebarang peraturan boleh mencetuskan banyak masalah.

"Kita tidak mahu pasaran yang turun naik secara mendadak, kita mahu stabiliti. Kita tidak benarkan kenaikan atau penurunan secara mendadak, tetapi tidak menghadapi dengan stabiliti iaitu kuasa pasaran yang normal. Pasaran mendadak boleh mencetus kekecohan, lihat sahaja dengan penurunan nilai ringgit sehingga 30 peratus.

"Kuasa pasaran normal iaitu perubahan margin antara satu atau dua peratus setiap hari ini adalah normal, apa yang tidak diperlukan dunia ialah perubahan pasaran yang begitu mendadak naik atau turunnya."

Rafidah turut menjelaskan mengenai cadangan Dr Mahathir supaya mengadakan pasaran khusus bagi urus niaga mata wang.

(END)